

# MASALAH KITA YANG WAJIB DIKAJI

Di dalam makalah yang lalu itu kita telah membentangkan sebab-sebab kemunduran umat Islam dan sekarang kita teruskan lagi makalah Muhammad Farid Wajdi di dalam buku Al-Islam Din Am Khalid berkenaan dengan bagaimana Islam boleh mencapai semula kebesarannya. Kata Muhammad Farid Wajdi bahawa Islam telah dibentuk oleh Allah Subhanahu wa Taala bagi menjadi suatu agama bagi sekalian manusia dan telah dilengkapinya di dalam ajaran-ajaran Islam itu dengan suatu susunan yang menjadi binaan "Islah Umum" iaitu satu binaan yang lebih sempurna daripada binaan yang telah pernah dibina oleh akal manusia yang kesempurnaannya terang (kamal) yang bolehlah dikatakan di sanalah tujuan manusia mara hendak mencapainya.

(sambungan majalah Qalam bilangan 6 – muka 35)

## Sebab-sebab Kemunduran Umat Islam

Adakah falsafah-falsafah zaman kemajuan yang dibanggakan oleh orang sekarang sanggup menindas tanda-tanda islah ini dan menghilangkan bekas-bekasnya – supaya manusia akan menjadi tidak beragama seperti yang dikehendaki oleh kaum Mulhiddin, Atheist yang menidakkkan adanya Tuhan hari ini dan bersungguh-sungguh pula mereka mempengaruhi kita supaya tercebur dan berpuas hati di dalam fahaman-fahaman mereka yang sesat itu?!

Manakala Islam itulah yang menjadi pembentuk islah umum iaitu suatu tujuan yang menjadi tumpuan akal fikiran manusia menurut susunan tab'i maka bagaimana Islam boleh balik semula kepada kebesarannya dan bagaimana seruannya boleh menjadi perhatian yang istimewa di dunia ini? Apakah jalannya supaya pemeluk-pemeluknya boleh berbalik semula kepadanya setelah mereka jatuh ke jurang yang dalam? Masalah inilah yang hendak kita kupas sekarang!

Islam telah membentuk kaedah-kaedah yang besar yang mensesuakannya menjadi agama sedunia yang di dalamnya dihiasnya dengan berbagai-bagai rancangan yang akan membawa pemeluk-pemeluk mencapai kesempurnaan yang dicita-cita. Ia telah membentuk untuk mereka segala usaha dan ikhtiar yang pernah digambarkan oleh akal dan yang ditimbulkan oleh ilmu pengetahuan. Agama yang telah terdiri di atas dasar kemanusiaan dan rancangan-rancangan binaan yang kekal

yakni bukan di atas kebendaan yang tertentu dan tidak terletak hanya di atas maslahat tempatan yang mengenai satu bangsa atau satu zaman yang tertentu sahaja.

Kaedah-kaedah itu telah mewajibkan pemeluk-pemeluknya lelaki perempuan menuntut ilmu; telah meletakkan tanggungjawab tiap-tiap seorang kepada semua amalannya dengan tidak sekali bertaklid kepada perbuatan-perbuatan datuk nenek moyangnya yang telah lalu atau berpegang kukuh kepada kepercayaan yang telah dipusakai turun temurun. Islam telah melorongkan supaya menurut (itba') apa-apa yang telah dibuat oleh Rasulullah (SAW) dan sahabat-sahabatnya dan bukan semata-mata mengikut kepada perkataan ulama yang tiada keterangan (dalil) bahkan Islam telah menunjukkan iman dengan bertaklid itu tidak akan diterima kerana ia telah menuntut kepada sesiapa yang hendak mengambil faham hendaklah dengan keterangan yang nyata dan dalil yang sah – kalau tidak, tidaklah boleh dipakai. Memperkatakan perkara-perkara agama tidak terkhas kepada sesuatu puak atau sesuatu bangsa sahaja dan kepada sesiapa yang sanggup dan berpengalaman luas diluaskan memberi pendapatannya dengan sebebas-bebasnya. Sekiranya pendapatannya tepat kepada kebenaran maka ia akan mendapat dua pahala dan jikalau ijhtidahnya tersalah maka ia akan mendapat satu pahala sebagai seorang yang telah berikhtiar mencari fahaman yang tersebut itu.

Dasar ini diberi ialah supaya kebolehan bekerja itu dihargai dan daripadanya menggalakkan akal dan

fikiran manusia supaya bekerja mencari hakikat kebenaran dengan tidak ada dibeza-bezakan putihkan ia atau hitamkan ia sehingga di dalam Islam telah timbul orang-orang yang hitam legam, lelaki dan perempuan daripada berbagai-bagai bangsa dan warna daripada golongan yang pada satu masa tak sanggup membela dirinya walau dalam tanah air mereka sendiri mereka telah menjadi pemimpin-pemimpin Islam baik dalam soal agama atau pun dalam soal dunia. Di sini menunjukkan bahawa Islam telah memberi sepenuh-penuh kebebasan mencari ilmu pengetahuan dan falsafah-falsafah. Kepada mereka itu diluaskan mengambil apa jua yang berguna dan elok daripada umat-umat asing.

Dengan kerana itu Islam telah mengumpulkan semua keelokan yang bercerai-cerai yang dipunyai oleh lain-lain umat itu – mereka umat Islam telah mendirikan tamadun yang tidak diharamkan sesuatu di dalamnya selain daripada akhlak yang terpuji atau cara yang terlampau longgar atau sempit, bahkan Islam sentiasa menuntut cara “pertengahan” dalam serba-serbinya. Kepada mereka ditanggungkan supaya dijalankan keadilan persamaan persaudaraan dan hak tab'i. Keadaan Islam ini telah meletakkan tanggungan-tanggungan kepada pemeluk-pemeluknya bagi menjadi khalifah di bumi Allah – Iaitu supaya ia berakhlak yang mulia dan supaya menjadikan dasarnya terang diketahui oleh manusia bahawa syiarnya (cogannya) ialah kebajikan semata-mata dan rahmat yang meliputi seluruh alam.

Sekiranya kita membandingkan cadangan-cadangan Islam yang kekal selama-lamanya itu menjadi panduan dan telah menunaikan kebajikan yang besar bagi umumnya penduduk dunia – dengan rancangan-rancangan ilmu pengetahuan zaman sekarang dan falsafah ciptaan manusia seperti yang telah didapat oleh tamadun Barat setelah mereka berjuang empat kurun lamanya dan setelah mengorbankan beratus-ratus ribu cerdik pandai – maka kita mendapati bahawa rancangan Islam itu lebih tinggi daripada rancangan yang telah diperolehi oleh tamadun Barat yang ada sekarang.

Tetapi bagaimana kekuasaan rancangan-rancangan Islam ini boleh balik ke tangan orang-orang Islam di dalam masa orang-orangnya

telah dihindangi oleh penyakit umat-umat asing yang terdahulu dan yang dengan kerananya Islam sendiri telah datang hendak menghormatinya itu telah menjadi suatu kemalangan pula oleh kerana mereka telah tergelincir ke jurang yang dalam dengan mundur semundur-mundurinya. Mereka telah menjadi mangsa kepada penjajah-penjajah yang telah menghisap sumsum mereka. Mereka telah dibelenggu sehingga tidak dapat memandangi sesuatu cahaya pun melainkan kalau kalau cahaya itu mendorong mereka masuk ke medan fitnah. Bolehkah umat Islam yang demikian itu keadaannya sanggup balik semula kepada masyarakatnya yang mempunyai sejarah yang gilang-gemilang itu?

Dalam masa mereka itu timbul tenggelam di dalam keadaan yang tersebut, di dalam masa mereka itu tercungap-cungap maka tiba-tiba mereka melihat cahaya yang sinar menyinar – cahaya berjenis-jenis kepandaian yang tidak ubahnya seperti ilmu sihir yang gah terkenal – cahaya zaman tamadun baharu yang membawa kesan kepada menjadikan orang-orang yang telah mahir ilmu yang tersebut memegang kekuasaan di darat, di laut dan di udara.

Adakah perubahan yang tiba dengan serta merta ini akan menjadikan umat-umat Islam yang telah mundur itu makin memencilkan diri dan menjauhkan diri daripada merasa tamadun ini oleh kerana mereka telah tertarik kepada kulit-kulitnya dengan kerana mereka tidak mengetahui kesan-kesan ilmu pengetahuan yang berkenaan dengan sejarah tua atau pun sejarah kebesaran Islam lama yang gilang-gemilang. Dengan kerana itu maka orang-orang ini tadi telah memutuskan perhubungan di antara mereka dengan saudara mereka (seagama) – Mereka hanya memelihara sedikit perhubungan pada zahirnya sahaja supaya mereka tidak dibuang daripada masyarakatnya dan dengan kerana itu mereka pun bekerjalah dengan sulit menolong kaum-kaum penjajah supaya bangsa sendiri dikusutmasaikan jalan-jalan fikirannya, persatuannya dihancurkan leburkan, berbagai-bagai jenis racun sentiasa ditabur-taburkan seperti mengatakan semua pusaka-pusaka tua itu telah lapuk, kebesaran datuk nenek mereka diperkecilkan iaitu sekali-kali dengan jalan bertopengkan atas penyiasatan kebudayaan dan pada lain kali pula di bawah lindungan ilmu pengetahuan yang memperikan hal ehwal alam.

Sekiranya racun-racun yang tersebut telah berkesan kepada setengah-setengah orang-orang kita maka bagaimanakah boleh kita mengawal diri daripadanya? Kita tidak boleh berputus asa dan jangan berputus asa. Sekiranya kemerdekaan akan mendapat faedah daripada orang yang bekerja kerananya atau pun orang yang bekerja menentangnyanya maka demikian itulah keadaannya bahawa kebenaran itu akan terserlah melalui orang yang bekerja kerananya dan melalui orang yang bekerja menentangnyanya.

Tamadun Barat dan segala jenis pengetahuan yang meruntun orang ramai dengan sukarela memasuki gelombangnyanya, tamadun Barat itu juga dengan tidak sengaja telah bekerja menzahirkan kebesaran Islam dan meninggikan kedudukannyanya kerana Islam itu ialah kebenaran dan alam dunia ini akan menurutnya baik dengan cara sukarela atau pun dengan cara terpaksa maka sudah barang tentu penduduk alam akan tiba ke garis yang digores oleh Islam dan akan berpandu menurut jejak langkahnyanya.

Sebenarnya mereka-mereka yang telah terpedaya kepada kulit-kulit tamadun Barat itu telah berfikir bahawa mereka telah memutuskan perhubungannya dengan Islam dan dengan kerana itulah kelihatan seolah-olahnya mereka telah mabuk kepayang membuat segala-galanya dengan tidak bersekat walau sedikit pun – Membujur lalu, melintang patah – dan mereka tidak berhenti kepada sesuatu kemaraan itu sudah tentu ada masa berhentinya – tiap-tiap sesuatu perasaan mabuk, tentulah pula ada sedarnya.

Apabila golongan itu telah berlari menghabiskan perjalanan mereka dan dan telah berasa penat lalu kemudian menenungkan apa-apa yang telah melalaikan mereka daripada mendapat perbendaharaan yang besar ini dan merenung kepada kemuliaan yang sejati yang didapati oleh datuk nenek mereka nescaya mereka akan menyedari bahawa segala yang memperdayakan mereka itu mutunya jauh lebih rendah daripada barang yang mereka tinggalkan dan dengan kerana itu mereka akan berbalik semula kepada Islam bukannya sahaja dengan sukarela tetapi dengan terpaksa. Kebenaran itulah yang biasanya berjaya dan tidak ada satu benda pun di dalam dunia ini yang sanggup menindasnya.

Inilah suatu jalan yang sukar benar bagi meruntun umat Islam yang telah tersasul memandang kepada agama mereka yang sejati tetapi hanya inilah jalan yang tunggal yang akan berjaya menzahirkan kebesaran Islam meletakkannya menjadi tanda keTuhanan yang besar dan menjadi tanda yang nyata bagi seluruh alam.

Apabila diketahui bahawa tamadun Barat dengan segala jenis pengetahuan sentiasa menarik dan mempengaruhi akal penduduk dan mengeluarkannya daripada keadaan kaku beku dan mundur dan dengan kuasa yang tak dapat ditentang itu maka semuanya ini adalah balik kepada maslahat Islam dan umat Islam walaupun kesannya tidak nampak melainkan kepada beberapa lama kemudiannya nanti sebenarnya umat Islam tertarik kepada tamadun Barat yang tersebut sangat mendukacitakan tetapi apakan daya kerana mereka yang sedang menempuh perubahan baharu itu tidak mendengar segala seruan dan nasihat sehingga orang yang berpengaruh hari ini tak dapat meruntun atau menasihati kaum kerabatnyanya atau sahabat handainya kepada kebenaran -Inikan pula suatu golongan manusia yang besar yang telah mara menempuh gelombang yang tak dapat ditentang walaupun ada gunung-gunung yang tersergam tinggi dengan hebatnya. Di dalam keadaan yang demikian ini bolehkah golongan yang demikian itu keadaannya menerima nasihat?

Di sini barangkali salah seorang akan bertempik: Sehingga beginikah manusia telah terpedaya? Mereka masih berharap lagi pada hal masa beragama telah luput kerana dunia sekarang telah disinari oleh cahaya berjenis-jenis pengetahuan, manusia sekarang hanya boleh mendapat pertunjuk dengan falsafah sahaja dan janganlah diharap mereka akan berbalik semula kepada peringkat zaman kebodohan purbakala setelah mereka berjaya meninggalkannya beberapa kurun?!

Sekiranya Islam terdiri hanya di atas suatu peristiwa tawarikh, terbina di atas khayal-khayal kebangsaan, atau pun waham-waham tempatan, ataupun binaannya berupa hanya seruan akhlak dan kebudayaan semata-mata nescaya kita akan menaruh segan dan silu menzahirkan fikiran kita pada kurun yang kedua puluh ini dan kita akan mensifatkan diri kita dengan penyeru-penyerunya

berfahaman kolot tetapi Islam pada zatnya ialah: Suatu seruan XXXX yang telah mendirikan ajaran-ajarannya menurut susunan XXXX (menurut tabiat semula jadi manusia) – Mengubah diri seseorang kepada kepercayaan dan adat lama yang telah XXXXX turun-temurun dan menunjukkan dengan terang kepada mereka semua hakikat-hakikat yang nyata. Juga Islam menegakkan persaudaraan di antara semua manusia dan mengajak mereka kembali kepada agama yang satu iaitu agama manusia yang asal (Islam).

Islam telah memberi kebebasan penuh kepada akal dan melepaskan daripada segala belenggu. Ia berjalan di atas dasar-dasar yang disebutkan ini tatkala hendak menuju kepada islah dengan melalui jalan ilmu pengetahuan bukannya mengikut nafsu atau menurut segala khayal lintasan hati. Cara yang demikian ini dikatakan “islah umum yang utama” yang sesuai dengan tabiat manusia dengan meliputi segala daripada kecerdasan otak dan tenaga tubuh seseorang ataupun bagi kumpulan manusia yang banyak iaitu lebih meliputi daripada islah yang diusahakan oleh XXXX bagi ilmu pengetahuan dengan sebab Islam telah mendasarkan segala ajaran-ajarannya menurut rancangan-rancangan yang kukuh yang telah dicuba dan dibuktikan serta terjauh daripada waham dan sangka.

Adakah agaknya islah yang telah diusahakan oleh Bacon seperti yang dikatakan tadi akan kurang harganya kerana ada di antara kita telah lewat kira-kira tiga kurun lamanya atau adakah ia kekal selama kekalnya tujuh petala langit dan bumi telah ditetapkan manusia supaya beramal dengannya selagi mereka masih menghargakan ilmu pengetahuan dan supaya mereka bekerja menguatkan kedudukannya.

Adakah akan diterima oleh akal bahawa islah kecil yang telah didatangkan oleh Bacon akan kekal dan islah umum yang telah dihasilkan oleh Islam akan hancur lebur dengan alasan bahawa Islam itu suatu agama dan bahawa manusia telah memutuskan perhubungannya dengan semua agama? Kita bukan sahaja berkata bahawa umat Islam yang telah tertarik dan terpedaya kepada tamadun Barat ini dan segala ilmu pengetahuan dan yang telah memutuskan perhubungan-perhubungan mereka dengan

Islam itu akan berbalik semula kepadanya tetapi mereka berkata bahawa penduduk seluruh alam akan berkesudahan kepadanya bukannya kerana tertarik oleh mencari agama yang akan dipeluknya bahkan oleh kerana mereka mengetahui segala jenis islah yang telah dihasilkan oleh ilmu pengetahuan dan keputusan-keputusan yang telah didapat oleh ahli-ahli falsafah itu telah dibentuk oleh Islam dan telah menyeru kepadanya dengan nas-nas yang nyata seperti yang telah disebut di atas satu persatu tadi.

Dengan ini maka pada ketika itu manusia akan melihat mereka akan terletak di dalam Islam walau sekalipun mereka tidak bekerja untuk sampai kepadanya ialah kerana celupan Allah yang tidak luntur dan bentuknya yang semula jadi tidak akan bertukar ganti. Pada ketika itu mereka akan berkata sebagaimana yang dikatakan oleh Goethe ahli falsafah Jerman yang besar itu: “Apabila Islam beginilah keadaannya maka kita telah pun sedia berada di dalamnya.”

Perkataan Goethe ini akan menjadi cogan kepada penduduk seluruh alam iaitu pada ketika kebenaran telah nyata terserlah. Al-Quran telah pun menjelaskan hal yang tersebut yang maksudnya: “Kami akan tunjukkan segala tanda-tanda kami pada segala ufuk dan diri mereka itu sendiri supaya jelas nyata bagi mereka bahawa itulah dia kebenaran – Tidakkah memadai dengan Tuhanmu (ya Muhammad) bahawa Tuhanmu itu atas tiap-tiap sesuatu yang menyaksikan?”

Tidakkah jalan ini jalan yang sesuai menjadi amalan yang tidak menghampakan kepada mengembalikan kebesaran Islam dan menjadikan seruannya seruan yang tertinggi di dunia ini? Ingatlah firman Allah yang maksudnya: “Adakah lain daripada agama Allah yang mereka kehendaki pada hal kepada Tuhan telah tunduk segala penduduk langit dan bumi menjunjung perintahnya baik dengan cara suka hati atau dengan cara terpaksa dan kepadanya mereka itu akan kembali.”